

Ketidakseimbangan Pengaliran Berita Antarabangsa dan Peranan Agensi Berita Serantau

Oleh:
Mariah binti Muda
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
Universiti Teknologi MARA

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan sedikit latar belakang tentang ketidakseimbangan pengaliran berita di antara bahagian dunia yang kaya dengan bahagian dunia yang miskin. Ia juga turut memberikan keadaan-keadaan yang membawa kepada penubuhan agensi berita nasional di kebanyakan negara di dunia dan juga penubuhan agensi-agensi berita serantau. Untuk lebih memahami kenapa kewujudan agensi-agensi berita nasional dan serantau tidak dapat mengatasi dominasi berita dari agensi berita gergasi dunia, maka perbincangan didasarkan kepada Teori Hegemoni yang dilihat masih relevan dari dahulu sehinggalah sekarang.

Pendahuluan

Secara tradisonalnya pengaliran berita di dunia dimonopoli oleh agensi-agensi berita antarabangsa yang terkenal dan berprestij. Ianya selalu dirujuk kepada The Big Four iaitu Reuter, Agence France Press (AFP), Associated Press (AP), dan United Press International (UPI) (Mohd. Safar: 1991). Namun begitu, mulai awal tahun 1970-an, sebuah organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) mula menampakkan satu perjuangan baru yang cuba untuk menghentikan atau mengurangkan ketidakseimbangan pengaliran maklumat antara bahagian dunia yang kaya dengan bahagian dunia yang sedang membangun atau miskin.

* Dibentangkan di Seminar Siswazah Global Journalism, Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Kontroversi Dalam Pengaliran Maklumat Antarabangsa

Ketidakseimbangan pengaliran maklumat antara bahagian-bahagian di dunia, terutamanya, sebelum meluasnya penggunaan Internet oleh warga dunia, bukan saja berlaku dari segi jumlah berita tetapi juga dari segi kecondongan berita. Masalah ini telah mula dikesan secara kasarnya pada awal 1950-an. Ianya menjadi lebih jelas pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an (Mohd.Safar: 1991). Gagasan Order Baru Ekonomi Antarabangsa yang dibawa oleh Barat telah membuka mata pemimpin dan aktivis negara-negara sedang membangun kerana mereka melihat masalah ekonomi sebagai berkait rapat dengan masalah komunikasi. Pada tahun 1975, Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Berkecuali di Lima, Peru telah berjaya mendesak kumpulan negara maju agar diwujudkan satu order baru antarabangsa berkaitan maklumat, dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Perjuangan negara-negara Dunia Ketiga mula menampakkan hasil apabila soal ketidakseimbangan berita antara bahagian - bahagian dunia ini dimasukkan ke dalam Perisytiharan Media 1978. Ini diikuti oleh Perisytiharan Kuala Lumpur yang dikeluarkan selepas Persidangan Antara Kerajaan Mengenai Dasar Komunikasi di Asia dan Oceania

(ASIACOM) pada tahun 1979. Perisytiharan ini antara lain menyebut bahawa order baru maklumat dan komunikasi yang lebih adil dan berkesan adalah bahagian yang penting dalam merealisasikan order baru ekonomi antarabangsa. Ia juga dipercayai akan dapat merealisasikan impian untuk melahirkan keadilan, kebebasan dan kesamarataan antara manusia dan negara (Sunwoo Nam: 1970).

Konsep ini kemudiannya dirujuk sebagai Orde Baru Maklumat dan Komunikasi Dunia atau New World Information and Communication Order (NWICO). Setelah dibahaskan di forum-forum antarabangsa terutamanya di forum oleh UNESCO, akhirnya, gagasan ini dimaktubkan dalam Rumusan Persidangan Agung UNESCO dalam tahun 1980 yang berkaitan dengan Suruhanjaya Antarabangsa Mengkaji Masalah Komunikasi.

Tanggal 9 Julai 1986, Negara-negara Dunia Ketiga telah mencapai satu lagi kejayaan apabila Jawatan Kuasa Mengenai Maklumat Bangsa-bangsa Bersatu menerima secara undian cadangan negara-negara membangun untuk mewujudkan satu orde maklumat dan komunikasai anatarabangsa yang baru. Cadangan 77 negara itu mendapat 41 menyokong, 11 menentang dan lima negara berkecuali. Negara-negara yang menentang ialah Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat, Peranchis, Belgium, Denmanrk, Findland, Itali, Belanda dan Portugal.

Anggapan negara-negara Dunia Ketiga ini disokong oleh satu laporan suruhanjaya yang dilantik oleh UNESCO iaitu Suruhanjaya MacBride yang dikenali sebagai Many Voices One World. Menurut Galtung & Vincent (1992), laporan muktamad suruhanjaya ini telah dibentangkan dalam satu persidangan di Belgrade pada 21 November 1980, antara lain mengesahkan tentang wujudnya pengaliran maklumat yang tidak seimbang antara bahagian dunia yang kaya dengan bahagian dunia yang miskin. Selain itu, laporan ini juga menghuraikan masalah yang dihadapi oleh negara membangun, punca masalah dan cadangan ke arah memperbaiki ketidakseimbangan tersebut.

Laporan ini juga secara tidak langsung telah mengkritik agensi berita antarabangsa dari Barat yang telah menjadi penyebab kepada berlakunya fenomena laporan yang tidak seimbang. Laporan inilah yang menyebabkan sehingga akhir 1980-an, UNESCO sendiri berada dalam dilema apabila terdapat dua pasukan yang bertelagah pendapat tentang isu ini. Satu pihak berpegang kepada prinsip membenarkan pengaliran maklumat yang bebas di dunia yang dimonopoli oleh eksekutif yang mewakili negara maju atau negara kaya. Satu pihak lagi pula mendesak supaya diwujudkan kebebasan, pendemokrasian maklumat di seluruh dunia. Ini bermaksud agar UNESCO dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membantu semua bahagian dunia memperbanyakkan sumber maklumat, dan dengan itu maka pelbagai pendapat yang berbeza-beza dapat dinyatakan dan diterbitkan.

Perjuangan kumpulan ini bermaksud UNESCO harus membantu negara-negara sedang membangun atau negara-negara miskin mewujudkan sumber maklumat mereka sendiri dan tidak hanya bergantung kepada agensi-agensi berita gergasi dunia. Namun begitu perjuangan ini tidak berterusan kerana banyak bergantung kepada individu yang berjaya memegang jawatan Ketua Pengarah UNESCO.

Dunia Ketiga melihat ketidakseimbangan bukanlah hanya berlaku kepada jumlah berita tetapi mutu berita. Dunia Ketiga juga berpendapat bahawa berita tidak seharusnya dilaporkan dari sudut pandangan Barat tetapi dari sudut pandangan mereka sendiri. Kelantangan suara Dunia Ketiga ini diterima dunia secara amnya. Di peringkat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah membentuk Program Antarabangsa Bagi Pembangunan Komunikasi (International Program for Development of Communication) atau IPDC adalah salah satu langkah yang penting. Tujuan utama pembentukan IPDC ialah untuk merealisasikan pengaliran berita yang adil dan seimbang serta membantu meningkatkan keupayaan sistem teknologi di negara-negara Dunia Ketiga.

Hasil daripada penubuhan tersebut terbentuklah rangkaian pertukaran berita antarabangsa dan serantau (Mohd. Safar: 1991). Di peringkat nasional pula, kebanyakan negara mula menubuhkan agensi berita nasionalnya yang tersendiri.

Agensi Berita Nasional

Agensi-agensi berita nasional ditubuhkan atas asas untuk mewujudkan lebih banyak sumber berita. Oleh itu adalah dipercayai ia akan dapat membantu menseimbangkan pengaliran berita dan maklumat antara bahagian-bahagian tertentu di dunia. Ironinya, perdebatan tentang masalah tersebut hanya mula kedengaran pada tahun-tahun 1970-an meskipun fenomena asal telah mula dikesan sejak 1950-an. Sebenarnya, agensi-agensi berita nasional telah lama wujud iaitu sebelum 1961 seperti ANTARA di Indonesia, The Islamic Republic News Agency atau IRNA di Iran, Press Trust of India dari India, Philiphine News Services dari Filipina, Associated Press of Pakistan dari Pakistan, Bakthtar dari Afghanistan, Central News Agency dari Taiwan, Kyodo dari Jepun, Oriented Press dari Korea Selatan, VP dari Korea Selatan. Ini jelas menunjukkan agensi-agensi berita nasional pada peringkat awal dan sehinggalah sekarang masih gagal melaksanakan fungsi untuk menjadi penerima dan pengedar kepada lain-lain agensi berita di seluruh dunia.

Biarpun begitu, semasa gagasan NWICO hangat diperdebatkan di pentas dunia, banyak negara telah mengambil langkah menubuhkan agensi berita nasional masing-masing (Stevenson:1994). Menurut Stevenson (1994: 292) lagi, pada tahun-tahun 1990-an hampir semua negara di dunia mempunyai agensi berita nasionalnya yang tersendiri. Ada di antaranya sangat terkenal seperti MENA dan Tanjung yang menggunakan teknologi yang moden dan ada di antaranya yang hidup segan mati tak mahu. Apapun kebanyakan daripada agensi berita nasional ini beroperasi dengan cara mendapatkan sedikit bahan dari agensi-agensi antarabangsa, dari pertukaran berita dengan agensi berita serantau, dan liputan domestik yang dilaporkan sendiri oleh wartawan-wartawan mereka.

Menurut Stevenson (1994: 292) kebanyakan agensi berita nasional bagi negara-negara Dunia Ketiga mempunyai beberapa fungsi. Pertamanya, membuat liputan bagi kebanyakan acara dan peristiwa penting serta menyebarkannya di dalam negara masing-masing. Kedua, terdapat juga di antara agensi-agensi berita nasional ini membuat liputan di beberapa negara jiran dengan meletakkan wakil masing-masing di sana. Ketiga, agensi berita nasional juga biasanya mengambil berita-berita dari agensi berita antara bangsa, terutamanya the big four bagi bahagian-bahagian dunia yang tidak mampu mereka liputi. Keempat, terdapat juga agensi berita nasional yang menjadi pengedar bagi berita-berita dari luar negara yang masuk ke negara mereka contohnya BERNAMA (Malaysia dari 1 September 1982 sehingga 1 Mac 1998).

Kelimanya, agensi berita nasional juga biasanya menjadi penghubung penting negara yang diwakili mereka dengan bahagian-bahagian dunia yang lain. Agensi berita antarabangsa boleh dianggap sebagai telinga dan mata bagi sesebuah negara, merekalah yang mengetahui segala perkembangan terbaru dari dunia luar. Sebab itu, didapati kebanyakan agensi berita nasional di sesebuah negara mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kerajaan. Dengan itu fungsi keenam, agensi berita nasional sesebuah negara bolehlah dianggap sebagai rakan akrab kerajaan.

Apapun, dalam usaha untuk merealisasikan gagasan NWICO banyak kerajaan dan juga tokoh-tokoh kewartawanan mencadangkan konsep pertukaran berita bagi sesebuah rantau. Banyak tokoh-tokoh wartawan dan pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga sudah rasa bosan untuk hanya merujuk kepada berita-berita dunia yang berpangkalan di London, New York, atau Paris. Menyedari hakikat ini beberapa rantau mula menubuhkan persatuan pertukaran berita yang dipelopori oleh rantau Asia Pacific dengan nama Pertubuhan Agensi Berita Asia (OANA) pada tahun 1960. Menjelang tahun 1990-an, beberapa rantau di dunia mula menubuhkan persatuan pertukaran berita masing-masing. Rantau Carribean menubuhkan persatuan beritanya, The Carribean News Agency (CANAN), rantau Afrika dengan Pan-Afrika News Agency (PANA), gerakan negara-negara berkecuali dengan Non-aligned News Agency (NANA), rantau Teluk dengan Federation of Arab News Agencies (FANA), dan banyak lagi.

Organization of Asia News Agency (OANA)

OANA telah ditubuhkan pada 22 Disember 1961 di Bangkok, Thailand. Ianya adalah hasil daripada mesyuarat Pembangunan Agensi Berita di Asia dan Timur Jauh yang telah diadakan dari 19 hingga 22 Disember 1961. Penubuhan OANA sebenarnya telah tercetus lebih awal iaitu hasil dari mesyuarat serantau yang dianjurkan oleh UNESCO juga di Bangkok dari 18 hingga 29 Januari 1960 (UNESCO:1961).

Latar belakang kepada penubuhan OANA adalah berasaskan tiga perkara iaitu:

1. Kemunduran beberapa agensi berita tempatan di kebanyakan negara di rantau ini (dengan beberapa kekecualian)
2. Kekurangan yang tidak dapat dielakkan dalam pengendalian berita oleh agensi-agensi berita di dunia, dan
3. Sistem komunikasi di negara-negara rantau ini tidak memuaskan.

Tugas OANA yang utama ialah melaksanakan pertukaran berita. Di samping itu, OANA juga diharap dapat memupuk kerjasama yang lebih erat antara agensi-agensi berita di Asia dan dunia untuk faedah bersama (UNESCO Report: 1961).

Pada tahun 1966, OANA telah memulakan kegiatan pertama pertukaran berita yang disebut OANA news letter yang diterbitkan dua minggu sekali yang mengandungi kira-kira 4000 berita dan rencana dalam rantau Asia. Pada November 1967, OANA melancarkan Buletin OANA yang mengandungi kegiatan pertubuhan tersebut. Mesyuarat Eksekutif OANA yang diadakan di Jakarta dalam tahun 1969 memutuskan bahawa OANA harus meluaskan peranannya kepada membuat liputan dan mengedarkannya atas nama OANA (Mohd. Safar: 1991).

Persidangan Agung Ketiga yang diadakan di Tokyo dalam bulan Ogos 1970, memperakukan beberapa cadangan baru yang harus dilaksanakan oleh OANA. Antaranya ialah pembaikan dan pembesaran kegiatan OANA, menyekat agensi berita nasional masing-masing daripada jatuh ke tangan asing dan pengedaran berita di dalam negara dan luar negeri harus dibuat oleh agensi berita nasional masing-masing.

Setelah mengalami beberapa masalah seperti kewangan, kerjasama dan krisis dengan China, OANA telah mengadakan Persidangan Agung Keempatnya di Jakarta pada tahun 1979. Hasil dari mesyuarat ini, OANA telah memperakukan penubuhan Rangkaian Berita Asia atau ANN (Mohd. Safar: 1991). Persidangan tersebut merayu kerajaan-kerajaan negara anggota OANA supaya tidak mengenakan tarif komunikasi yang tinggi yakni untuk memudahkan aktiviti pertukaran berita.

Persidangan itu juga menggesa anggota-anggotanya menambahkan pengaliran berita khususnya dalam bidang-bidang ekonomi, politik, teknikal, dan budaya. Para anggota juga disarankan agar mempertingkatkan berita-berita tentang pembangunan infrastruktur, pendidikan, sains, teknologi, kebajikan dan perancangan keluarga. Berita-berita pula seharusnya memenuhi kriteria seperti mempunyai nilai kesemasaan, mempunyai kedekatan ekonomi budaya dan geografi dengan rantau ini, mempunyai sumber yang sah dan mengelakkan unsur-unsur propaganda. Untuk menjimatkan masa, para anggota juga

boleh mengirimkan terus kepada sasarannya tanpa perlu melalui pusat pengedaran.

Persidangan OANA ke-5, di Kuala Lumpur telah diadakan dari 3 hingga 6 November 1981. Di dalam mesyuarat ini BERNAMA telah dilantik sebagai Presiden OANA. Mesyuarat Kuala Lumpur 1981 telah mengubah nama lama OANA kepada Pertubuhan Berita Asia-Pasifik tetapi singkatan OANA dikekalkan. Mesyuarat ini juga telah memutuskan untuk meletakkan Rangkaian Berita Asia-Pasifik (ANN) di bawah OANA.

Mesyuarat ini juga telah menggariskan beberapa ketetapan agar liputan OANA dihormati dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Operasi editorial sepatutnya:

- i. Kandungan dan nada sesebuah berita hendaklah tidak berat sebelah dan tidak berupa propaganda
- ii. Memenuhi prinsip liputan berita seperti keobjektifan, kesemasaan, ketepatan dan mempunyai sumber. Ia seharusnya berkait rapat dengan negara anggota yang dituju.
- iii. Pusat pengedaran tidak dibenarkan mengganggu kandungan berita apabila sesebuah berita disalurkan melalui mereka
- iv. Agensi anggota yang menggunakan berita dari pertukaran ini boleh menyunting tetapi mesti berniat ikhlas, adil dan tidak memutarbelitkan fakta
- v. Agensi anggota harus berusaha dengan tegas untuk memenuhi dan mematuhi etikaewartawanan dan meletakkan piawai profesional yang tinggi, prihatin terhadap pengguna akhir, dan menjelaskan istilah-istilah yang digunakan secara tempatan, dan
- vi. Sentiasa membuat liputan yang seluas mungkin dan mementingkan penerimaan berita mereka oleh pelanggan.

Persidangan ke-6 OANA telah diadakan di New Delhi, India dari 26 hingga 30 Mac 1985. Agenda utama mesyuarat ini ialah menggesa kerajaan anggota OANA menurunkan tarif komunikasi. Mesyuarat ini memilih Press Trust of India sebagai Presisen.

Persidangan ke-7 OANA telah berlangsung di Jakarta dari 27 hingga 29 Julai 1988 dan telah memilih ANTARA sebagai Presiden. OANA kemudiannya mengadakan Persidangan Agungnya yang ke-8 di Tokyo Jepun pada tahun 1991, Persidangan Agung ke-9 di Beijing, China pada tahun 1994, Persidangan Agung ke-10 di Teheran, Iran pada tahun 1997 dan Persidangan Agung ke-11 di Moscow dalam tahun 2000.

Dalam persidangan-persidangan ada tahun 1990-an isu penting OANA ialah untuk terus meningkatkan kerjasama bagi aktiviti pertukaran maklumat dalam era globalisasi. Kehadiran Internet dan edisi on line bagi bahan-bahan liputan OANA telah merubah banyak perkara. Sepatutnya kehadiran teknologi telekomunikasi yang memudahkan aktiviti pertukaran berita memperbanyakkan liputan OANA di dalam akhbar-akhbar di negara ASEAN umpamanya.

Keadaan ini sangat kontras dengan kedudukan OANA sekarang yang mempunyai keahlian sebanyak 37 agensi berita nasional dari 30 buah negara. (<http://www.oananews.com/about.index.html>). Ahli-ahli OANA ialah:

1. Bakhtar (Afghanistan)
2. Australian Associated Press/AAP (Australia)
3. Bangladesh Sangbad Sangstha/BSS (Bangladesh)

4. United News of Bangladesh/ UNB (Bangladesh)
5. Agence Khmer de Press /AKP (Cambodia)
5. Xinhua News Agency / Xinhua (China)
6. Korean Central News Agency/ KCNA (DPR of Korea)
7. Korean News (DPR Korea)
8. Emirates News Agency / WAM (Emirates Arab Bersatu)
9. Asian News International/ANI (India)
10. Press Trust of India/ PTI (India)
11. United News of India/ UNI (India)
12. Antara News Agency/ Antara (Indonesia)
13. Islamic Republic News Agency/IRNA (Iran)
14. Jiji Press Ltd/ JIJI (Jepun)
15. Kyodo News/ Kyodo (Jepun)
16. Khazakh Information Agency / KAZaag (Kazakhstan)
17. Khabar Agency/ Khabar (Kazakhstan)
18. Kuwait News Agency/ KUNA (Kuwait)
19. Kyrgyz News Agency/ Kabar (Kyrgystan)
20. Lao News Agency/KPL (Laos)
21. Berita News Agency/ BERNAMA (Malaysia)
22. Mongoline tsakhilgaan medee/MONTSAME (Mongolia)
23. Rastriya Samachar Samati/RSS (Nepal)
24. Oman News Agency/ ONA (Oman)
25. Associated Press of Pakistan/ AAP (Pakistan)
26. Pakistan Press International/PPI (Pakistan)
27. Philippines News Agency/ PNA (Filipina)
28. Qatar News Agency/ QNA (Qatar)
29. Yonhap News Agency/ Yonhap (DRP of Korea)
30. ITTAR TASS News Agency / ITTAR-TASS (Russia)
31. Russian Information Agency/ RIA Novost (Russia)
32. Saudi Press Agency/SPA (Arab saudi)
33. National News Agency of Sri Lanka/ Lankapuvath (Sri Lanka)
34. Syrian Arab News Agency/ SANA (Syria)
35. Thailand News Agency/ TNA (Thailand)
36. Anadolu News Agency / Anadolu (Turkey)
37. Vietnam News Agency /VNA (Vietnam)

OANA merupakan agensi berita serantau yang terbesar di dunia kerana ia merangkumi negara-negara Asia dan Pasifik. Namun begitu ia masih belum dapat menandingi the big four dalam aktiviti liputan dan pengedaran berita-berita antarabangsa (Chen & Chaudary :1991).

Di bawah operasi OANA terdapat satu lagi rangkaian pertukaran berita iaitu iaitu Asia News Agency (ANN).

ANN adalah satu rangkaian berita yang dikendalikan oleh OANA dan ia tidak bersifat komersial (Mohd. Safar: 1991). Kewangannya dikendalikan oleh syarikat-syarikat akhbar yang menjadi ahli. Artikel dalam http://www.asianetnews.net/main_aboutus.php menyatakan, buat masa ini terdapat 13 syarikat akhbar yang menjadi anggota rangkaian ini iaitu The Daily Star (Bangladesh), China Daily, Beijing and Hong Kong Edition (China), The Statesman (India), The Jakarta Post (Indonesia), Daily Yomiuri (Jepun), Sin Sew Jit Poh dan Star (Malaysia), The Dawn (Pakistan), The Daily Inquirer (Filipina), The Starits Times (Singapura), The Korea Herald (South Korea), The Island (sri Lanka), The Nation (Thailand) dan Viet Nam News (Vietnam).

ANN telah memulakan operasinya pada 1 Januari 1982, setelah melalui beberapa siri perbincangan yang panjang termasuklah perbincangan di UNESCO. Bagaimanapun dari 1982 sehinggalah kini, ANN telah mengalami beberapa perubahan sehinggalah sekarang ianya merupakan lebih kepada rangkaian untuk akhbar-akhbar harian bagi beberapa negara Asia. Apa yang penting ANN memegang falsafah bahawa berita untuk Asia hendaklah ditulis oleh dari perspektif Asia.

Lain-lain Agensi Berita Serantau

Selain daripada itu hampir setiap rantau di dunia ini mempunyai agensi berita serantau. Ini termasuklah Carribbean News Agency (CANA) , Pan-Africa News Agency (PANA), Non-Aligned News Agency Pool (NANAP), Federation of Arab News Agency (FANA), Alliance of Mediterranean News Agency (AMAN), Association of Balkan News Agencies (ABNA) dan banyak lagi.

The Carribbean News Agency (CANA) adalah sebuah agensi berita yang memberi perkhidmatan kepada media cetak dan media elektronik bagi negara-negara di rantau Carribbean ([http://www. Caribbeantiger.com/trc-cana.htm:1](http://www.Caribbeantiger.com/trc-cana.htm:1)). Selain daripada bertindak sebagai agensi berita, agensi berita ini menjadi sebuah syarikat penerbitan program-program radio bagi dijual kepada stesen-stesen radio di rantau tersebut. Ia membabitkan program-program berusur maklumat, berita dan iklan radio. CANA juga menerbitkan majalah bulanan CAnAbusiness.

Agensi ini telah ditubuhkan pada 29 Julai 1994 di Cartagena, Colombia. Sehingga kini, ia mempunyai keahlian daripada 26 buah negara. Negara-negara yang menjadi ahli CANA ini ialah Antigua & Barbuda, The Bahamas, Barbados, Belize, Colombia, Costa Rica, Cuba, Dominica, The Dominican Republic, El Salvador, Grenada, Guatamela, Guyana, Haiti, Honduras, Jamaica, Mexico, Nicaragua, Panama, St. Kitts & Nevis, St. Lucia, St. Vincent and the Grenadines, Suriname, Trinidad and Tobago dan Venezuela.

Ahli-ahli bersekutunya pula termasuklah Anguilla, Aruba, Bermuda, British Virgins Islands, Cayman Islands, The Cayman Islands, French Guiana, Guadeloupe, Martinique Turks and Caicos Islands. Dua buah negara lagi yang bakal menyertai sebagai ahli bersekutu ialah Puerto Rico dan US Virgin Islands.

Pan-African News Agency (PANA) juga dikenali sebagai Agence d'information Panafricaine (AIPA) dan juga API. Ia telah ditubuhkan pada 20 Julai 1979 di Addis Ababa hasil dari satu konvensyen oleh menteri-menteri penerangan negara-negara Afrika. Ia mula beroperasi sebagai sebuah agensi berita bagi Organization of African Unity (OAU) pada 25 Mei 1983 (<http://www.dfa.gov.za/for-relations/multilateral/pana.htm>)

Menurut laporan prancangan strategik PANA yang dipetik dari <http://www.dfa.gov.za/department/straplan.htm>, PANA ditubuhkan dengan tujuan memepercepatkan keupayaan untuk berfungsi secara berkesan dan cekap dalam usaha menggunakan teknologi maklumat. Dalam masa beberapa tahun akan datang, PANA akan berusaha menaiktaraf dan mensepadukan semua peralatan teknologi komunikasi di negara-negara anggota dengan tujuan untuk memepercepatkan pengaliran maklumat di kalangan negara-negara anggota.

Agensi berita ini beribu pejabat di Dakar, Senegal serta pejabat-pejabat cawangan di Khartoum, Sudan, Lusaka, Zambia, Kinshasa, Democratic Republic of Congo, Lagos, Nigeria and Tripoli.

Non-aligned News Agency Pool (NANAP), adalah sebuah agensi berita bagi pergerakan negara-negara berkecuali. Ia ditubuhkan pada tahun 1976 bagi tujuan membetulkan ketidakseimbangan berita antara bahagian-bahagian di dunia. Pertubuhan ini sebenarnya banyak memberi tumpuan kepada rantau Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Latin (<http://mib.nic.in/information&b/text.htm>).

Pertubuhan ini tidak mempunyai organisasi sendiri. Ia dikendalikan oleh agensi berita yang menganggotainya secara bergilir-gilir sebagai Jawatan Kuasa Penyelaras. Buat masa ini (2002) badan yang mengendalikannya ialah Press Trust of India.

Perkara 2, Laporan Muktamad Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Durban, Afrika Selatan yang diadakan dari 2 dan 3 September 1998 menyebut bahawa ketua-ketua kerajaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali memberi penekanan berat ke atas usaha membetul dan menseimbangkan pengaliran maklumat dan komunikasi di kalangan negara-negara anggota. Seruan ini ditujukan kepada NANAP, dan juga Broadcasting Corporation of Non-aligned Countries (BONAC) (<http://docweb.pwv.gov.za/docs/policy/namcomm.htm>).

Federations of Arab News Agency (FANA) telah ditubuhkan pada tahun 1964 di Amman, Jordan (http://209.61.192.200/about_fana.html). Pertubuhan ini meliputi agensi-agensi berita negara Liga Arab iaitu Jordan, Tunisia, Algeria, Arab Saudi, Iraq, Palestin, Lebanon, Libya, Maghribi, Yemen, Mesir dan Sudan. Tujuan asal penubuhan pertubuhan ini adalah untuk memperbaiki kedudukan kewangan, bantuan teknikal dan kepakaran melalui pertukaran kakitangan, pakar dan pegawai-pegawai negara anggota ke arah memperbaiki mutu aliran berita di kalangan negara-negara Liga Arab.

Namun begitu, dua seminar di Tunis pada 1975 dan Tripoli pada 1977 telah membincangkan dengan mendalam tentang usaha-usaha untuk membaiki pengaliran maklumat di kalangan negara-negara anggota dan antara FANA dengan lain-lain agensi berita serantau yang lain (http://209.61.192.200/fana_service.htm).

FANA juga mempunyai hubungan baik dengan agensi-agensi berita antarabangsa yang besar di dunia seperti Reuters, AFP and AP (http://209.61.192.200/fana_servives3.htm) Menurut artikel http://209.61.192.200/about_fana2.html, buat masa sekarang FANA mempunyai 18 ahli iaitu:

1. Jordan News Agency (PETRA)
2. Emirates News Agency (WAM)
3. Tunis-Afrique Press (TAP)
4. Algerian Press Services (APS)
5. Saudi Press Services (SPA)
6. Syrian Arab News Agency (SANA)
7. Iraqi News Agency (INA)
8. Palestinians News Agency (WAFA)
9. Qatari News Agency (QANA)
10. Kuwaiti News Agency (KUNA)
11. National News Agency of Lebanon (NNA)
12. Jamahiriyah News Agency (JNA)
13. Maghreb Arab Press (MAP)
14. Mauritania Press Agency (MPA)
15. Yemen News Agency (SABA)
16. Middle-East News Agency–Mesir (MENA)
17. Sudan News Agency (SUNA)
18. Oman News Agency (ONA)

Alliance of Mediterranean News Agency (AMAN), merupakan sebuah lagi agensi berita bagi negara-negara di rantau Mediterranean.

Menurut artikel dalam <http://www.aman-alliance.org/>, ahli-ahli bagi pakatan ini ialah:

1. AA (Turki)
2. AFP (Perancis)
3. AMI (Mauritania)
4. ANA (Greece)
5. ANSA (Itali)
6. APA (Algeria)
7. ATA (Albania)
8. CNA (Cyprus)
9. EFE (Sepanyol)
10. JANA (Libya)
11. LUSA (Portugal)
12. MAP (Moghribi)
13. MENA (Mesir)
14. NNA (Lebanon)
15. SANA (Syria)
16. STA (Slovenia)
17. TAP (Tunisia)
18. WAFA (Palestine)

Middle East News Agency (MENA) adalah sebuah lagi agensi berita bagi rantau Timur Tengah. Ia asalnya adalah agensi berita nasional bagi Mesir dan telah ditubuhkan pada 15 Disember 1955. Pada 8 Februari 1956, MENA telah mula mengedarkan berita bagi rantau Timur Tengah dan mulai dari detik ini sehingga sekarang ianya merupakan sebuah agensi berita yang terkenal serta berpengaruh di Timur Tengah. (<http://www.mena.org.eg/English/AboutMena.asp>)

MENA menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan seperti perkhidmatan pertukaran berita, perkhidmatan foto, dan penerbitan-penerbitan berkala. Buat masa ini MENA beribu pejabat di Kaherah, Mesir dan mempunyai pejabat-pejabat perwakilan di rantau Arab, Eropah, Amerika Syarikat, Afrika dan Asia.

Pertubuhan ini mempunyai enam objektif penting iaitu:

- i. Menjadi sumber berita dan kemudiannya mengirimkannya berita-berita yang telah ditulis semula kepada rantau-rantau tertentu dari perspektif MENA.
- ii. Untuk menyediakan lebih banyak maklumat dalam bentuk analisis berita, gambar, rencana dan hasil penyelidikan untuk pasaran dalam rantau dan juga luar rantau.
- iii. Menyediakan buletin dalam bahasa Arab untuk pelanggan tetap.
- iv. Untuk menawarkan kepelbagaian berita dari rantau Arab kepada agensi-agensi serantau yang lain dan juga agensi-agensi antarabangsa yang lain.
- v. Untuk memanjangkan perkhidmatan teknikal kepada pelanggan tetap dan juga lain-lain agensi berita.
- vi. Untuk menawarkan kepakaran teknikal dan kewartawanan kepada semua bahagian di dunia.

MENA juga mempunyai rangkaian pertukaran maklumat dengan Islamic News Agency (INA) dari Iran, PANA, NANAP, FANA dan AMAN.

Sebuah lagi agensi berita yang tidak asing lagi ialah The Association of Balkan News Agencies atau ABNA. ABNA telah ditubuhkan pada 26 Jun 1995 di Thessaloniki, hasil dari daya usaha yang gigih oleh Macedonia Press Agency (<http://www.mpa.gr/abna/abna/:1>). Buat masa sekarang ABNA mempunyai 10 anggota iaitu Athens News Agency (ANA), dari Greece, Macedonia Press Agency (MPA) dari Macedonia, Bulgarian Telegraph Agency (BTA) dari Bulgaria, Albanian Telegraph Agency (ATA) dari Albania, Tanjug News Agency (Tanjug) dari Yugoslavia, Anadolu News Agency (Anadolu) dari Turki, Rompress News Agency dari Romania, Macedonia Press Bureau (MPB) dari Yugoslavia, dan B-H Press dari Bosnia-Herzegovina.

Objektif utama penubuhan organisasi ini ialah untuk mencipta iklim pembangunan yang berterusan dalam aspek petukaran berita dan lain-lain pertukaran maklumat bagi rantau Balkan. Menurut artikel dalam <http://www.hri.org/MPA/about/abna.html> (2003:1), pembangunan berterusan dalam aspek pertukaran berita dan maklumat adalah pra syarat bagi merealisasikan berbagai-bagai bentuk pembangunan fizikal, kerohanian dan intelektual bagi rantau yang pernah bergolak itu. Pembangunan ini, menurut artikel tersebut, kemudiannya akan diperluaskan ke rantau yang lebih dekat seperti Eropah.

Pendek kata, semua penubuhan agensi berita serantau ditubuhkan dengan satu tujuan utama iaitu untuk meningkatkan liputan dan pengedaran berita-berita dalam bentuk intra-rantau dan inter-rantau. Ini dilakukan dengan harapan untuk menambahkan sumber berita bagi digunakan oleh media massa sama ada media cetak atau elektronik tempatan. Tetapi persoalannya, kenapakah peranan agensi berita serantau masih kurang berkesan?

Ketidakseimbangan Pengaliran Berita di Dunia dari Perspektif Teori Hegemoni

Teori Hegemony muncul dari pemikiran seorang pemikir aliran facism dari Itali, Antonio Gramsci yang telah hidup dari tahun 1891 sehingga tahun 1937. Gramsci adalah seorang tokoh fascism yang sangat cenderung kepada idea Marxisme, Leninnisme atau lebih tepat Komunisme. Beliau pernah memimpin Parti Komunis Itali sebelum dipenjarakan oleh Mussolini, seorang penganut kapitalisme. Dia akhirnya meninggal dunia di dalam penjara dan sempat menghasilkan lebih kurang 33 buah buku yang berbentuk falsafah dan pemikiran tentang berbagai-bagai tema persengketaan kelas dan ketidakadilan sistem kapitalisme dari dalam penjara.

Beliau banyak memperkatakan tentang konsep hegemony yang merupakan slogan yang banyak digunakan dalam Pergerakan Sosialis Demokratik Russia dari tahun 1890 sehinggalah 1917. Menurut Monica Stillo ([http://www/theory.org.uk/ctr-grm.htm](http://www.theory.org.uk/ctr-grm.htm):6) hegemony bermaksud proses penaklukan atau penguasaan oleh kelas yang dominan, tidak semestinya kelas yang memerintah, yang mempertahankan pengaruh dan kuasa mereka dengan cara menjaga kepentingan pihak yang dikuasai secara tidak disedari, melalui proses perundingan serta budi bicara yang berbentuk politik dan ideologi dan selepas itu mendapat persetujuan dari kedua-dua belah pihak.

Sebuah artikel dari http://www.unc.edu/courses/2000fall/jomc245-001/culturak_hegemony.html (2003:1) pula berpendapat hegemony boleh berlaku dalam bentuk budaya. Artikel ini menjelaskan konsep hegemony budaya sebagai satu proses apabila sebuah kumpulan yang dominan kononnya cuba mempertahankan kepentingan aspek-aspek yang wujud dalam kelas biasa seperti kekayaan dan pemilikan melalui institusi-institusi sosial seperti gereja, sekolah, parti politik, mencipta sesuatu isu bagi kepentingan bersama atau menerusi media massa.

Menurut Daniel Chandler, (<http://www.aber.ac.uk/media/Documents/marxism/marxism10.htm>:1) Gramsci menggunakan konsep hegemony untuk menjelaskan satu kawalan oleh sesebuah kelas sosial yang lebih tinggi ke atas kelas-kelas sosial yang lain yang dilihat sebagai lebih rendah. Ini juga disebut sebagai bourgeois hegemony. Fenomena ini tidak hanya berlaku dari segi kawalan ekonomi dan politik semata-mata, tetapi ia juga mengawal dan 'mengajar' kelas yang dikawalnya supaya melihat dan menterjemah realiti dunia mengikut pandangan kelas yang mengawal.

Stuart Hainsworth dalam sebuah artikel yang dipetik dari <http://www.cultsock.ndirect.co.uk/MOHome/cshtml/contributions/gromsci/html>.(2003:1) pula berpendapat

bahawa Gramsci melihat hegemony sebagai kuasa politik yang mengalir dari keintelektualan dan moral kepimpinan seseorang pemimpin, dan autoriti, namun ianya bukanlah satu penguasaan yang berbentuk ketenteraan. Penulis yang sama juga menekankan bahawa Gramsci pernah menyebut bahawa dalam proses menghegemonikan sesuatu kelas atau kumpulan, peranan media dan maklumat sangatlah penting dalam mempengaruhi cara berfikir kumpulan yang cuba dikuasai.

Saverin & Thankard (1997:308) pula memberikan pendapat Gramsci tentang media hegemony. Menurut mereka, apa yang dilakukan dalam kehidupan kita sehari-hari, atau struktur kehidupan kita juga boleh dijadikan struktur untuk mendominasi pihak lain. Kedua-dua sarjana komunikasi ini juga berpendapat bahawa pemikiran kelas masyarakat yang berkuasa akan mempengaruhi corak pemikiran kelas masyarakat yang dikuasai. Kata mereka lagi, kandungan dan bahan berita dari Amerika Syarikat sebenarnya cuba dibentuk agar mereka dapat mendominasi pemikiran semua orang di dunia ini.

Sehubungan dengan ini, sebuah artikel dari <http://www.mtholyoke.edu/aced/intrel/pol116/hegemony.htm> (2003:1) menyebut biasanya homegen atau pihak yang ingin menguasai pihak lain akan melakukan berbagai-bagai cara termasuk media.

Memahami keadaan semulajadi manusia menerusi berbagai-bagai pendapat yang didasarkan kepada pemikiran Gramsci tentang hegemony, kita dapati bahawa inilah fenomena yang menjelaskan segala apa yang berlaku dari aspek pengaliran berita di antara bahagian-bahagian di dunia. Dalam hal ini, didapati *the big four* dan rangkaian berita televisyen antarabangsa CNN adalah the rulling class manakala media massa di negara-negara Dunia Ketiga termasuk agensi berita nasional dan juga agensi berita serantau adalah the controlled class.

Sejak kurun ke-18 lagi kita dapati bahawa negara-negara yang menjadi penakluk seperti Great Britain, Portugal, Perancis dan Amerika Syarikat telah merealisasikan teori hegemony mereka dalam berbagai-bagai bidang termasuklah maklumat dan media. Tradisi wayang gambar yang bermula di Perancis dan Amerika syarikat pada akhir tahun 1890-an dan merebak ke seluruh dunia dalam masa 20 hingga 30 tahun selepas itu merupakan salah satu daripada petanda bermulanya agenda hegemony Amerika ke atas negara-negara Dunia Ketiga dalam bidang media. Ini ditambah pula oleh kehadiran televisyen pada tahun 1950-an di Amerika Syarikat dan berkembang di negara-negara Dunia Ketiga pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Kedua-dua jenis media massa ini merupakan kelangsungan dari tradisi kewartawanan dan penulisan berita yang telah bermula di Amerika Syarikat pada kurun ke-18 dan sampai di negara-negara Dunia Ketiga sekitar tahun 1950-an menerusi aktiviti penaklukan oleh kuasa-kuasa Barat.

Seterusnya sampailah kepada permulaan dan perkembangan akhbar-akhbar tempatan yang banyak bergantung kepada liputan dari agensi berita gergasi dunia. Di sinilah bermulanya aktiviti hegemony oleh bahagian dunia yang berkuasa ke atas bahagian dunia yang lebih mundur, lemah dan kekurangan dalam serba-serbi.

Teori ini berupaya memberikan ramalan bahawa biar apapun langkah dan usaha yang diambil oleh mana-mana juga pihak untuk menseimbangkan pengaliran maklumat dan

berita dunia, namun penguasaan oleh agensi berita gergasi yang disokong oleh ideologi negara-negara kuasa besar tidak dapat dihapuskan. Namun, ia mungkin boleh dikurangkan. Ini kerana bila negara-negara Dunia Ketiga mempertingkatkan kemampuan, mereka telah lebih dahulu maju ke depan. Kemampuan ekonomi, kemajuan keintelektualan dan keupayaan dalam teknologi dan kepakaran yang dimiliki oleh the ruling class tidak memungkinkan negara-negara Dunia Ketiga mengatasi masalah ketidakseimbangan pengaliran maklumat di antara bahagian-bahagian di dunia. Ini kerana Teori Hegemony akan terus relevan hingga entah sampai bila.

Cabaran Agensi Berita Serantau

Biasanya, berita-berita yang dibawa oleh agensi berita serantau disalurkan ke agensi-agensi yang menganggotainya bagi tujuan dimasukkan di dalam media massa tempatan mereka. Ini termasuklah media cetak atau media penyiaran konvensional seperti television dan radio.

Kemunculan konsep *information superhighway* dan Internet merupakan satu cabaran baru kepada agensi berita serantau (Baran: 2002). Sebelum Internet masuk ke dalam masyarakat massa pada pertengahan tahun 1990-an, pengaliran berita sebahagian besarnya boleh dilihat di dalam media cetak seperti akhbar harian, akhbar mingguan, dan majalah berita atau didengar menerusi radio atau dapat ditonton menerusi televisyen. Tetapi dengan adanya Internet, agensi-agensi berita mula menyediakan lama-laman web yang memuatkan berita-berita panas yang dapat mereka liputi atau perolehi daripada rakan-rakan serantau. Laman-laman web ini pula memerlukan kakitangan pakar untuk mengendalikannya dan perlu dikemaskinikan sekurang-kurangnya 24 jam sekali atau setiap enam jam. Ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan usaha yang lebih kerana kakitangan perlu ditambah dan diberi latihan kemahiran. Untuk mengurangkan perbelanjaan pembinaan laman-laman web ini, agensi berita harus bertindak menjadi agensi periklanan, berusaha mendapatkan iklan-iklan untuk dimuatkan seiring dengan bahan-bahan berita atau maklumat mereka di laman-laman web yang mereka bina (Vivian: 1999). Ini juga bermakna agensi berita harus bersedia untuk melaksanakan gaya kewartawanan *on line*.

Fenomena ini mewujudkan satu lagi cabaran apabila agensi-agensi berita serantau masih belum berjaya menandingi edisi-edisi *on line* dari agensi berita antarabangsa the big four. *The big four* mempunyai aset yang besar dan mereka mampu menyediakan pengkalan data yang kaya dengan maklumat terkini, dan mudah dicapai oleh pelayar individu atau pelayar organisasi. Ini sekali lagi mencetus ketidakseimbangan pengaliran maklumat dunia, kini kita berada di fasa kedua.

Cabaran seterusnya yang kini dihadapi oleh agensi-agensi berita serantau ialah berkembangnya media penyiaran di seluruh dunia. Perkembangan ini memerlukan agensi-agensi berita yang sebelum 1990-an beroperasi secara konvensional perlu menyediakan bahan-bahan berita yang diperlukan stesen-stesen penyiaran di seluruh rantau. Untuk memenuhi permintaan ini, agensi berita serantau seharusnya bukan sahaja perlu

menyediakan bahan dalam bentuk teks atau teleteks, tetapi juga dalam bentuk gambar bergerak (moving images). Kualitinya juga harus menggunakan teknologi yang sesuai bagi tujuan penyiaran dan ini bermakna agensi berita tidak lagi boleh hanya menumpukan kepada gaya kewartawanan media cetak tetapi juga gaya kewartawanan media elektronik atau penyiaran.

Penutup

Jika diteliti, kita dapati sungguh banyak usaha dilakukan untuk mengimbangi pengaliran berita antara bahagian-bahagian di dunia dan juga untuk memperbanyakkan sumber berita di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Namun biar banyak mana sekalipun muncul agensi-agensi berita serantau yang mewakili rantau masing-masing tetapi dominasi agensi berita gergasi *the big four* dan rangkaian penyiaran antarabangsa CNN tetap terus unggul dan kekal di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga. Kadang-kadang kita dapati media massa di negara-negara Dunia Ketiga sendiri yang memilih berita-berita dari rangkaian gergasi ini atas sebab-sebab tertentu.

Antara sebabnya mungkin *the big four* dan rangkaian penyiaran CNN berpangkalan di negara-negara kuasa besar, justeru itu apa yang diperkatakan atau diputuskan oleh mereka akan menjadi polisi global secara tidak langsung. Berita-berita atau maklumat seperti ini mempunyai nilai beritanya yang tersendiri kerana umpamanya apa yang diputuskan oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan sekutunya seperti Great Britain dan Australia dan Perancis akan memberi kesan kepada Dunia Ketiga dalam bidang ekonomi, politik, kemanusiaan dan isu keselamatan misalnya.

Penulis berpendapat masalah kekurangan maklumat dan berita di rantau Dunia Ketiga atau kadang-kadang disebut negara blok Selatan ini bukan lagi disebabkan oleh kekurangan sumber atau kekangan telekomunikasi tetapi kadang-kadang ia mempunyai nilai berita yang lebih rendah jika dibandingkan nilai berita dari berita-berita yang dibawa oleh *the big four* dan rangkaian penyiaran CNN.

Liputan berita dan pengaliran maklumat yang sangat kurang dan pemilihan berita yang berbentuk *human interest* oleh media massa di negara-negara maju dari agensi berita rantau Dunia Ketiga, adalah disebabkan oleh sikap ego mereka. Soal kekurangan sumber dan kekurangan liputan sepatutnya tidak timbul lagi pada era tahun 2000-an ini kerana hampir semua rantau Dunia Ketiga mempunyai agensi beritanya yang tersendiri dan hampir kesemuanya mempunyai edisi *on line*.

Soal ketidakseimbangan pengaliran maklumat di antara bahagian-bahagian di dunia hari ini bukan lagi masalah kepakaran, kekurangan sumber atau infrastruktur sendiri tetapi lebih kepada soal sikap pengamal media massa negara-negara maju yang tidak berputusan memandang rendah kepada negara-negara Dunia Ketiga, tambah-tambah lagi negara-negara bekas tanah jajahan mereka. Itu permasalahannya. Jadi agenda negara-negara Dunia Ketiga hari ini tidak harus ditumpukan kepada usaha tradisional menerusi agensi-agensi berita serantau semata-mata, tetapi lebih dari itu ialah harus berusaha gigih menjadikan rantau Dunia Ketiga sebagai penting, bermaruah dan tidak terus bergantung kepada mereka terutamanya dari segi ekonomi.

Rujukan

- Alliance of Mediterranean News Agency.**
Dari <http://www.aman-alliance.org/>. Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.
- Anom. **From Freedom of Information the Free Flow of Information; From Free Flow to Free and Balanced Flow of Information'**, No.8 dalam siri International Commission for the Study of Communication Problems, UNESCO, 1961.ms 15
- Association of the Balkan News Agency.** Dari <http://www.hri.org/MPA/about/abna.html>.
Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.
- Baran, Stanley, J. 2002. **Introduction to Mass Communication.** US: McGraw Hill
- Caribbean News Agency (CANA).** Dari <http://www.caribbeantiger.com/trc-cana.htm>.
Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003.
- Chen, A.C., & Chaudhary, A.G. ' **Asia and the Pacific'** dlm. Global Journalism. Merrill, J.C. (penyunting).1991. New York: Longman
- Craft, Leigh & Godfrey. 2001. **Electronic Media.** US: Wardworth
- Cultural Hegemony Theory.**
Dari http://www.unc.edu/courses/2000fall/jomc245-001/cultural_hegemony.html.
Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.
- Daniel Chaudler. **Marxist Media Theory: Gramsci and hegemony.**
Dari <http://www.aber.ac.uk/media/Documents/marxism/marxisme10.html>.
Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.
- Eastmen & Furgeson. 2002. **Broadcast/Cable/Web Programming: strategies and practices.**
US: Wardworth
- FANA: Fedration's Members.** Dari http://209.61.192.200/about_fana2.html. Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003.
- FANA: Relation with International News Agency.** Dari http://209.61.192.200/fana_service3.htm.
Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003.
- Federation of Arabs Association Services.** Dari http://209.61.192.200/fana_service.htm. Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003
- Galtung, G & Vincent, R.C., 1992. **Global Glasnost.** New Jersey: Hampton Press Inc.
- Herman & Mc Chesney.1997. **The Global Media.** Washington: Cassell.
- Indian News Pool Desk and Non-aligned News Agencies.**
Dari <http://mib.nic.in/information&b/text.htm>. Dicapai menerusi Internet pada 12 Februari 2003.

International Communication. Proceeding of International Communication Seminar.
Bangi: Terbitan Jabatan Komunikasi, UKM.

Mediterranean News Agecies Conclude Assembly in Greece.

Dari http://www.changzhi.gov.cn/cahng/zw.asp?lar_id=94.
Dicapai menerusi Internet pada 11 Februari 2003.

MENA: historical backgroud. Dari <http://www.mena.org.eg/English/AboutMena.asp>
Dicapai menerusi Internet pada 11 Februari 2003.

Middle East News Agency. Dari <http://www.sis.gov.eg/calendar/html/c1080.htm>.
Dicapai menerusi Internet pada 11 Februari 2003.

Mohd. Safar Hasim. 1991. **Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd. Safar Hasim. 'Usage of South East Asian News in Malaysia Press'. Kertas kerja yang dibentangkan di Second ASEAN Editors Conference, Pulau Pinang, Malaysia, 10-12 September 1985.

Monica Stillo. Antonio Gramsci. Dari <http://www.theory.org.uk/ctr-gram.htm> Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.

Pan- African News Agency. Dari <http://www.dfa.gov.za/for-realtions/multilateral/pana.htm>.
Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003.

Pana Strategic Planning. Dari <http://www.dfa.gov.za/department/straplan.htm>. Dicapai menerusi Internet pada 11 Februari 2003.

Saverin & Tankard. 1997. **Communication Theories.** New York: Longman.

S.M. Mazhurul Haque. 1983. 'Is US Coverage of News in Third World Imbalance?' dlm *Journalism Quarterly*, Autumn, ms 521-524.

Stevenson, L.R. 1994. **Global Communication In The Twenty-First Century.**
London: Longman Pub. Co.

Stuart Hainsworth. **Gramsci's Hegemony Theory and the Ideological Role of The Mass Media.**
Dari <http://www.cultsock.ndirect.co.uk/MUHome/cshml/contributions/gramsci.html>.
Dicapai menerusi Internet.

Sunwoo Nam. 1970. 'The Flow of International News in Korea.' *Gazette*, 15,1. ms 14-26.

The Asia News Network (ANN). Dari http://www.asianewanet./main_aboutus.php.
Dicapai menerusi Internet pada 10 Februari 2003.

The Final Document of the XIIth Summit of the Non-aligned Movement.
Dari <http://docweb.pwv.gov.za/docs/policy/namcomm.htm>.

The Organization of Asia Pacific News Agencies.

Dari <http://www.oananews.com/about.indext.html>. Dicapai menerusi Internet pada 5 November 2002.

The Theory of Hegemonis Stability.

Dari <http://www.mtholyoke.edu/acad/intrel/po1116/hegemny.htm>. Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.

Vivian, John. 1999. **The Media of Mass Communication**. USA: Allyn & Bacon

What is ABNA?. Dari <http://www.mpa.gr/abna/abna/>.

Dicapai menerusi Internet pada 13 Februari 2003.

Yahya R. Kamalipour. 2002. **Global Communication**. US : Wardsworth.